

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan jika Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan
polisi untuk “Borneonisasi” seluruh jabatan persekutuan di Sabah.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Borneonisation* yang merupakan satu daripada 20 Perkara dalam perjanjian membentuk Persekutuan Malaysia (bagi Sabah) dan 18 Perkara bagi Sarawak telah dilaksanakan semenjak pembentukan Malaysia lagi. Semua pelantikan jawatan bagi perkhidmatan awam Negeri Sabah oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Pihak Kerajaan sentiasa memberi keutamaan dalam pengisian jawatan peringkat Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai di peringkat lain dari kalangan anak negeri Sabah di Sabah.

Bagi pelantikan Ketua Jabatan, calon-calon hendaklah mempunyai daya kepimpinan, berkebolehan yang tinggi serta mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan. Pegawai-pegawai anak negeri Sabah yang berpotensi dan berkelayakan serta memenuhi kriteria yang ditetapkan sememangnya diberi pertimbangan untuk menyandang jawatan sebagai Ketua Jabatan atau Timbalan Ketua Jabatan di kedua-dua negeri berkenaan. Bagi negeri Sabah, daripada 80,333 pengisian, 66,870 (83.2%) adalah anak negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.